



KEM KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN ORGANISASI KOMANDER KESATRIA

19 Mei 2023 - Unit Kokurikulum, UiTM Cawangan Perlis telah menganjurkan Kem Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi Komander Kesatria bersama 114 orang peserta yang terdiri daripada Komander Kesatria UiTM Cawangan Perlis. Kem ini telah berlangsung selama tiga hari dua malam pada 19 hingga 21 Mei 2023 bertempat di Bukit Wang Burma, Wang Kelian, Perlis.

Objektif kem ini diadakan adalah untuk memberi ilmu pengetahuan berkenaan kepimpinan dan pengurusan organisasi yang sebenar, mewujudkan semangat berpasukan dan kerjasama sesama komander dalam sesebuah organisasi dan memantapkan hubungan silaturahim antara satu sama lain dalam memastikan pengurusan organisasi dapat diurus dengan baik dan berkesan. Terdapat 3 modul utama yang diberikan penekanan semasa program ini iaitu Modul Kepimpinan, Komunikasi dan Kerja Berpasukan.

Program ini melibatkan seramai .. fasilitator dan .. jurulatih yang terdiri dari pelajar komander dan kakitangan di Unit Kokurikulum.

Disediakan oleh :
Encik Muhammad Nur Aiman Nor Asli
Pegawai Eksekutif (Kokurikulum)

